



**PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA**  
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Pesara jururawat rugi RM120,000 didakwa terlibat jenayah Language: Malay

Publication/Portal: Kosmo

Date: 22 November 2021

Section: Negara

Page: 12

## + Pesara jururawat rugi RM120,000 didakwa terlibat jenayah



AIBEE

**SEREMBAN** - Gara-gara bimbang didakwa terbabit dalam pengubahan wang haram, seorang pesara jururawat terpaksa berputih mata apabila wang simpanannya sebanyak RM120,500 lesap diperdaya sindiket Macau Scam.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd. Ghani berkata, pada 3 Oktober lalu, mangsa yang berusia 71 tahun menerima panggilan yang

mendakwa dirinya membuat tuntutan insurans yang salah.

Menurut Aibee, mangsa menafikan ada membuat tuntutan insurans itu dan terus disambungkan ke 'Balai Polis Pudu' dan disambungkan kepada seseorang yang mendakwa dirinya Inspektor Mastura.

"Mangsa dikatakan terlibat dengan pengubahan wang haram dan disambungkan lagi dengan pegawai atasan bernama 'Puan Yong'.

"Puan Yong telah meminta mangsa memberikan semua maklumat akaun bank yang dimiliki serta mangsa juga telah memindahkan wang daripada akaun CIMB dan akaun Bank Rakyat ke akaun Bank Islam miliknya," jelas beliau.

Mangsa kemudiannya telah membuat semakan akaun Bank Islam dan Tabung Haji serta mendapati terdapat pengeluaran berjumlah RM120,500

Aibee berkata, mangsa yang

tersedar dirinya telah terpedaya dengan sindiket Macau Scam telah membuat laporan di Balai Polis Lenggeng, semalam.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

"Kita nasihatkan orang ramai untuk tidak melayan panggilan daripada individu tidak dikenali yang mendakwa terbabit dalam sebarang aktiviti jenayah," ujarnya.